

Beri kepada rakyat miskin, benar-benar layak - Anwar

Henti subsidi pendidikan kepada golongan kaya

Oleh MAISARAH
SHEIKH RAHIM

utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kerajaan akan menghentikan pemberian subsidi kepada golongan kaya dalam sektor pendidikan.

Perdana Menteri, Datuk Seri

Anwar Ibrahim berkata, perkara itu antara yang diberi keutamaan dalam pembentangan Belanjawan 2025 pada 18 Oktober ini agar pemberian subsidi itu hanya untuk golongan miskin dan benar-benar layak.

“Anak-anak golongan paling kaya termasuk orang

kanan penjawat awam, pimpinan politik, pengusaha-pengusaha terkenal, semua dihantar ke sekolah-sekolah terbaik, menengah sains yang dibantu dan diberi subsidi tinggi oleh kerajaan, ini harus dihentikan.

“Kalau subsidi ini diterus-

kan, ia meletakkan kita dalam keadaan tidak adil. Sepatutnya kalau anak orang kaya itu dihantar ke Fakulti Kejuruteraan (contohnya), Melayu atau Cina, dia (perlu) bayarlah.

Bersambung di muka 3

Henti subsidi pendidikan kepada orang kaya

Dari muka 1

“Kalau tidak subsidi ini (golongan kaya) berterusan dan hasil ini (sepatutnya) akan digunakan untuk menampung kekurangan dan membantu rakyat yang miskin,” katanya ketika merasmikan Simposium Kebangsaan 2024: Menoktah Kemiskinan di sini, semalam.

Kerajaan sebelum ini melaksanakan penyasaran subsidi diesel pada 11 Jun lalu iaitu

langkah ketiga terbesar selepas pelarasan tarif elektrik dan pengapungan harga ayam sehingga mampu menyelamatkan kira-kira RM10 bilion wang negara.

Jumlah itu boleh disalurkan untuk keperluan rakyat seperti menampung pengangkutan awam dan sebahagiannya untuk menambah suntikan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) yang mana skim ini mencecah RM10 bilion.

Anwar berkata, pengagihan dana perlu dilaksanakan secara adil terutama di kawasan-kawasan yang terpencil dan kadar kemiskinan tertinggi.

Menurut beliau, negara ini bermakna kemerdekaan dan kebebasan serta keadilan, maka fokus kerajaan mesti ke arah matlamat itu.

Sebagai contoh, jelasnya, sekolah menengah di Kapit, Sarawak iaitu antara daerah yang terpencil dan tertinggi

kadar kemiskinan, pemberian dana mungkin tidak setimpal tetapi sekurang-kurangnya harus ada usaha berterusan bagi meningkatkan kemudahan, keupayaan dan mutu pendidikan.

“Perkara ini saya hanya berikan hebahan awal sebelum umum belanjawan bulan depan. Negara kalau benar mahu adil, harus adil kepada golongan yang memerlukan termasuk golongan rentan,” katanya.